

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- a) apakah faedah-faedah yang Kementerian untuk membantu ibu-ibu tunggal dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyedarkan ibu-ibu tunggal tentang wujudnya

dan bagaimana untuk memperolehi faedah-faedah tersebut; dan

b) berapa jumlah ibu-ibu tunggal di Sepang sehingga September 2014.

JAWAPAN:

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan pelbagai program kemahiran untuk membantu wanita dan ibu tunggal membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan menerusi program-program seperti berikut:

A. Program Kemahiran Menjana Pendapatan

i. Bazar Wanita 1Malaysia

Di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7: *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)*

Bazar Wanita 1Malaysia telah diwujudkan untuk menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini diwujudkan bagi memberi peluang menjana pendapatan di pasar-pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Malaysia.

Bazar Wanita 1Malaysia di Pasar Tani yang pertama dilancarkan pada 14 Disember 2012 dengan kerjasama

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Hingga Mei 2014, Bazar Wanita telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Sabah dan Sarawak dengan jumlah peserta seramai 103 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 27 orang adalah ibu tunggal.

ii. Program Mamacare (Program Penjagaan Selepas Bersalin)

Di samping itu, kementerian telah melaksanakan Program Mamacare untuk penjagaan selepas bersalin secara tradisional dan moden. Berdasarkan program rintis pada tahun 2013, seramai 91 orang wanita terdiri daripada ibu tunggal dan warga emas telah dilatih bagi mengikuti program ini. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 91 orang pengamal sepanjang bulan Januari 2013 hingga Jun 2014 adalah sebanyak RM618,111 dengan pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Bagi tahun 2014, kementerian akan melatih seramai 300 orang wanita yang akan dilaksanakan mulai bulan Jun 2014. Sehingga September 2014, Kementerian telah melatih seramai 80 orang melibatkan negeri Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

iii. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)

Dalam usaha membantu ibu tunggal berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan Kerajaan, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT). Inisiatif ini yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan, menyediakan program meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutama dalam bidang keusahawanan. Secara khususnya, program I-KIT memberi tumpuan latihan kemahiran dalam bidang jahitan, terapi kecantikan, penghasilan kraf tangan, pengasuhan kanak-kanak, pelancongan, dan pemprosesan makanan.

Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 hingga 2013, seramai 4,011 orang ibu tunggal telah menyertai program I-KIT di seluruh negara. Sehingga Ogos 2014, seramai 97 orang ibu tunggal telah menyertai program I-KIT. Dari segi pemantauan peningkatan pendapatan setelah enam (6) bulan mengikuti program dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2013,

seramai 2,074 orang ibu tunggal telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal.

iv. Program 1AZAM

Selain itu, Program 1AZAM juga ditawarkan kepada golongan wanita untuk menceburi perusahaan kecil dan mikro dalam usaha meningkatkan pendapatan keluarga. Program 1AZAM telah mencatatkan penyertaan sejumlah 163,213 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014. Daripada jumlah tersebut, 103,521 orang atau 65% peserta adalah wanita. Secara khususnya, program AZAM Niaga yang diselaraskan oleh KPWKM telah memberi manfaat kepada seramai 2,451 orang ibu tunggal.

v. Kad Skuad Pengguna

Selain menyediakan bantuan berbentuk program kemahiran untuk membantu ibu tunggal, Kementerian bekerjasama dengan KPDNKK untuk menawarkan kad SKUAD PENGGUNA. Inisiatif ini dapat meringankan beban golongan berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal. Skuad Pengguna

ini membolehkan pengguna menerima potongan harga hingga 50% bagi pembelian barang keperluan di 2,170 premis perniagaan di seluruh negara termasuk Kedai Rakyat 1Malaysia. Inisiatif ini dapat meringankan beban golongan tersebut dalam menjalani kehidupan. Dari tahun 2013 hingga September 2014 seramai 33,496 orang ibu tunggal telah menerima Kad Diskaun SKUAD PENGGUNA.

B. Program Meningkatkan Kapasiti Wanita

Selain daripada program-program yang dinyatakan, Kementerian juga menyediakan perkhidmatan sokongan dalam bentuk khidmat nasihat untuk meningkatkan jati diri ibu tunggal melalui Program Literasi Undang-Undang (LUU). Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai hak-hak mereka dari aspek perundangan sivil dan syariah. Selain itu, program ini juga memberi fokus kepada modul keganasan rumah tangga, perkahwinan sivil dan syariah, harta pusaka, wasiat, nafkah, hak penjagaan anak, harta sepencarian, poligami dan sebagainya.

C. Komuniti PERWANI 1Malaysia

PERWANI ditubuhkan bagi mempromosi kesejahteraan masyarakat melalui program atau aktiviti yang memberi faedah kepada anggota masyarakat setempat. Antara aktiviti pembangunan masyarakat dan pemerikasaan ekonomi yang bakal dilaksanakan oleh PERWANI ialah literasi undang-undang, penjagaan kesihatan dan kebajikan keluarga, dan peningkatan kemahiran serta keusahawanan. Selain itu, PERWANI bertindak sebagai penghubung masyarakat dengan pihak berkuasa bagi melaporkan atau memberi maklum balas berhubung sebarang prasarana atau kemudahan awam yang memerlukan perhatian atau penambahbaikan.

D. Bantuan Kewangan

Selain itu, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan kewangan bagi membantu golongan ibu tunggal. Antaranya ialah:

i) Skim Bantuan Kanak-kanak

Bagi meringankan beban ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah, JKM memberi bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Kanak-Kanak bagi memastikan kebajikan dan pendidikan anak-anak ibu tunggal terpelihara. Pada Mei 2014, seramai 35,419 orang ibu tunggal telah mendapat bantuan ini, melibatkan peruntukan sehingga sebanyak RM45.02 juta

ii) Bantuan Am

KPWKM juga menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am pada tahun 2014 iaitu pada bulan Mei sejumlah RM16.77 juta telah disalurkan kepada 17,205 orang ibu tunggal miskin.

iii) Bantuan Geran Pelancaran

KPWKM memberi bantuan Geran Pelancaran yang merupakan bantuan sekali gus kepada penerima bantuan JKM daripada kalangan ibu tunggal bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar

daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran ini diberikan secara *one-off* iaitu sebanyak RM2,700.00 bagi setiap penerima. Pada tahun 2014 iaitu hingga bulan Mei, seramai 45 orang ibu tunggal telah menerima Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM113,885.

Antara langkah yang diambil untuk untuk menyedarkan wanita dan ibu tunggal mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian adalah melalui laman web Kementerian dan agensi, media sosial seperti facebook dan twitter serta melalui kerjasama NGO. Peserta yang berminat untuk menyertai program-program anjuran Kementerian boleh menghubungi talian Kementerian di 03-8323 1000.

JUMLAH IBU TUNGGAL DI SEPANG

- b) Berdasarkan statistik Data Banci Penduduk dan Perumahan Tahun 2010, Jabatan Perangkaan Negara, jumlah ibu tunggal di daerah Sepang adalah seramai 1,143 orang.